

Malaysia boleh jadi hab ASEAN

Um - 15/12/2006

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Malaysia boleh menjadi hab perdagangan bagi barangan import daripada negara-negara lain ke rantau ASEAN, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, negara-negara seperti China boleh menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk yang strategik ke ASEAN kerana Malaysia mempunyai kapasiti tinggi untuk mengimport dengan pariti kuasa membeli hampir dua kali ganda keluaran dalam negara kasar (KDNK) per kapita.

Rafidah berkata, perjanjian perdagangan bebas (FTA) ASEAN-China juga menyediakan pontensi bagi perdagangan yang meningkat di antara ASEAN dan China serta Malaysia dan China.

"Di samping itu, Malaysia adalah sebuah negara perindustrian, dengan bahagian tinggi penduduk muda yang mewujudkan permintaan bagi spektrum yang luas produk-produk perindustrian dan pengguna," katanya pada pembukaan Pameran Komoditi-Komoditi Eksport China dan Persidangan Pelaburan (Malaysia) atau CECEM 2006 di sini hari ini.

Rafidah berkata, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan China

dari Januari hingga Oktober 2006 terus berkembang sebanyak 18.5 peratus kepada AS\$21.73 bilion dari AS\$18.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Bagi 10 bulan pertama tahun ini, eksport Malaysia ke China telah mencatatkan peningkatan sebanyak 26.3 peratus kepada AS\$9.38 bilion, berbanding dengan AS\$7.4 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu, katanya.

Antara barangan eksport utama ke China adalah barangan elektrik dan elektronik, minyak sawit, kimia dan barangan kimia, getah mentah, dan kelengkapan optikal dan saintifik.

Dari Januari hingga Oktober 2006, import dari China berkembang sebanyak 15.9 peratus kepada AS\$12.6 bilion berbanding dengan AS\$10.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Barangan itu termasuk elektrik dan elektronik, jentera, perkakas dan alat-alat, kimia dan keluaran-keluaran kimia, tekstil dan pakaian, dan barangan logam.

Tahun lalu, China muncul sebagai rakan dagangan keempat terbesar Malaysia dan sumber import terbesar, dengan keseluruhan import dari China meningkat sebanyak 27 peratus kepada AS\$13.17 bilion dari

AS\$10.33 bilion pada 2004.

Menyentuh mengenai pelaburan, Rafidah berkata sejumlah 84 projek pembuatan yang disertai oleh syarikat-syarikat China telah diluluskan dari 2001 hingga Oktober 2006 dengan jumlah pelaburan sebanyak AS\$174 juta.

Daripada jumlah itu, 74 adalah projek-projek baru dengan pelaburan berjumlah AS\$108 juta manakala 10 yang lain adalah projek-projek pembesaran dan mempelbagaikan kegiatan dengan jumlah pelaburan sebanyak AS\$66 juta, katanya.

Bagi menggalakkan lagi perdagangan dua hala, Malaysia akan terus cergas dalam mempamerkan produk-produk dan perkhidmatan Malaysia di China dalam tahun-tahun akan datang, kata Rafidah.

Antara potensi pasaran yang kedua-dua negara oleh usahakan adalah pasaran barangan pengguna, dan barangan modal perantara dan pasaran barangan modal," katanya.

CECEM 2006, yang dianjurkan oleh Pusat Perdagangan Luar Negara China, menarik hampir 180 perusahaan dari 16 wilayah dan bandar raya-bandar raya di China dan 90 penyertaan dari syarikat-syarikat dari Malaysia dan ASEAN.

- Bernama